



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI ATAS TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

**Akta 174**

## AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

*Sebagaimana pada 1 November 2012*

**AKTA INSTITUSI-INSTITUSI  
PELAJARAN (TATATERTIB) 1976**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 25 Mei 1976

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 31 Mei 1976

Kali terakhir dipinda melalui  
Akta A143 yang mula  
berkuat kuasa pada ... .. 1 Ogos 2012

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 2009

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta174

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI  
PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

## SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Kuasa Menteri untuk memutuskan sesuatu soal tentang Ketua Eksekutif

BAHAGIAN II  
PIHAK BERKUASA TATATERTIB

4. (*Dipotong*)
5. Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelajar sesuatu Institusi
6. Kaedah-kaedah tatatertib pelajar

BAHAGIAN III  
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR DAN  
BADAN PELAJAR LAIN

7. Jawatankuasa Perwakilan Pelajar
8. Penubuhan badan pelajar lain
9. Kuasa Ketua Eksekutif untuk menggantung atau membubarkan mana-mana JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar

4Undang-Undang MalaysiaAKTA174

BAHAGIAN IV  
KESALAHAN

Seksyen

10. Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
11. Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang memungut wang
12. Tanggungan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
13. *(Dipotong)*
14. Penggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara-perkara yang berhubungan dengan penahanan, dsb.
15. *(Dipotong)*
16. *(Dipotong)*

BAHAGIAN V  
PERALIHAN

17. Pelajar yang menjadi anggota persatuan yang sedia ada
18. Persatuan pelajar yang sedia ada
19. Seksyen 17 dan 18 hendaklah mengatasi Akta Pertubuhan 1966 atau Ordinan Syarikat Kerjasama yang berkenaan
20. Pertubuhan dan badan pelajar yang sedia ada dalam sesuatu Institusi

BAHAGIAN VI  
AM

21. Perwakilan oleh Menteri
22. Pemakaian Akta bagi Institusi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dan kuasa Menteri untuk meminda Jadual
23. Kuasa Menteri untuk memakai peruntukan Akta bagi Institusi dengan ubah suaian, dsb.
24. Cawangan yang dibutirkan dalam Jadual Pertama disifatkan sebagai suatu Institusi yang berasingan
25. Tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini berhubung dengan sesuatu Institusi yang kemudiannya dimasukkan ke dalam Jadual Pertama

*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 5*

26. Akta ini dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya hendaklah dipakai

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

•  
~  
~  
~  
~  
○  
~  
~  
~  
~  
○  
~  
~  
~  
~  
~

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

Akta 174

**AKTA INSTITUSI-INSTITUSI  
PELAJARAN (TATATERTIB) 1976**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran, dan mengenai perkara yang berkenaan dengannya.

[1 Jun 1976]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendakinya yang lain—

“Institusi” ertinya sesuatu institusi, selain daripada suatu Universiti, yang memberi pelajaran, pengajaran atau latihan daripada apa-apa

8 Undang-Undang Malaysia **AKTA 174**

jenis kepada mana-mana orang, dan yang dinyatakan  
ataudiperihalkan dalam Jadual Pertama;

“Jawatankuasa Perwakilan Pelajar” atau “JPP” ertinya  
Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang ditetapkan di bawah seksyen 7;

“kampus” ertinya kawasan, bersama dengan segala bangunan atau  
struktur lain di atasnya yang dipunyai atau digunakan, samaada  
untuk selama-lamanya atau selainnya oleh sesuatu Institusi;

“kakitangan” termasuk sesiapa yang diambil khidmat oleh  
ataudalam sesuatu Institusi;

“Ketua Eksekutif” ertinya pegawai atau kakitangan Institusi yang  
bertugas sebagai pegawai eksekutif utama Institusi;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi pelajaran  
atau Menteri yang bertanggungjawab bagi pengajian tinggi, mengikut  
kehendak keadaan;

“kesalahan boleh daftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya  
di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak  
Diingini 1969 [Akta 7];

“Pegawai Hal Ehwal Pelajar” ertinya seseorang kakitangan sesuatu  
Institusi yang ditetapkan sedemikian oleh Menteri di bawah  
subseksyen 5(1);

“pelajar” ertinya seseorang yang menerima pelajaran,  
pengajaran atau latihan daripada apa-apa jenis daripada atau dalam  
sesuatu Institusi;

“Universiti” ertinya sesuatu Universiti atau sesuatu Kolej Universiti  
yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.



*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 9*

**Kuasa Menteri untuk memutuskan sesuatu soal tentang Ketua Eksekutif**

3. Jika terbit sesuatu soal tentang siapakah Ketua Eksekutif sesuatu Institusi tertentu maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Menteri dan keputusan Menteri mengenai soal itu adalah muktamad.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA TATATERTIB

4. *(Dipotong oleh Akta A1375).*

**Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelajar sesuatu Institusi**

5. (1) Pihak berkuasa tatatertib sesuatu Institusi mengenai tiap-tiap pelajar sesuatu Institusi ialah seseorang kakitangan yang ditetapkan oleh Menteri; kakitangan yang ditetapkan sedemikian adalah dinamakan Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

(2) Pegawai Hal Ehwal Pelajar adalah berkuasa mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah Jadual Kedua.

(3) Pegawai Hal Ehwal Pelajar boleh mewakilkan fungsi, kuasa atau kewajiban tatatertibnya kepada mana-mana kakitangan atau mana-mana lembaga kakitangan, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar sesuatu Institusi.

(3A) Pegawai Hal Ehwal Pelajar, atau mana-mana kakitangan atau mana-mana lembaga kakitangan yang diwakilkan fungsi, kuasa atau kewajiban di bawah subseksyen (3) hendaklah memaklumkan pelajar itu secara bertulis alasan bagi tindakan tatatertib yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.

(3B) Seseorang pelajar sesuatu Institusi hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang kakitangan atau pelajar lain Institusi itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3C) Seseorang pelajar sesuatu Institusi hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3D) Keputusan Pegawai Hal Ehwal Pelajar, mana-mana kakitangan atau mana-mana lembaga kakitangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar sesuatu Institusi hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.

(4) Mana-mana pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Hal Ehwal Pelajar, kakitangan atau lembaga kakitangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subsekyen (3D) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Menteri di bawah subseksyen (5).

(5) Menteri hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar untuk mendengar dan menentukan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pelajar di bawah subseksyen (4).

(6) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang dilantik oleh Menteri daripada dalam atau luar Institusi itu, seorang daripadanya hendaklah menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar itu.

(7) Tiada seorang pun yang telah menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh menjadi anggota Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(8) Seseorang pelajar sesuatu Institusi yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang kakitangan atau pelajar lain Institusi itu dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(9) Seseorang pelajar sesuatu Institusi yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(10) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang mendengar suatu rayuan di bawah subseksyen (5) hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan itu.

(11) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar mengenai sesuatu rayuan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusannya.

#### **Kaedah-kaedah tatatertib pelajar**

6. Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 dalam Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi sesuatu Institusi, dengan syarat bahawa Menteri, boleh, menurut budi bicara mutlakanya, membuat, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, apa-apa ubah suaian, penyesuaian, tambahan, potongan ataupun pindaan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat kepada Kaedah-Kaedah itu dalam pemakaiannya bagi sesuatu Institusi atau kelas atau perihalan Institusi tertentu.

### **BAHAGIAN III**

#### **JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR DAN BADAN PELAJAR LAIN**

#### **Jawatankuasa Perwakilan Pelajar**

7. Sesuatu Institusi hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan peruntukan Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi Jawatankuasa itu dengan syarat bahawa Menteri boleh, menurut budi bicara mutlakanya, membuat, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, apa-apa ubah suaian, penyesuaian, tambahan, potongan atau pindaan sebagaimana yang difikirkannya perlu dan suai manfaat kepadanya dalam pemakaiannya bagimana-mana Institusi atau kelas atau perihalan Institusi tertentu.

**Penubuhan badan pelajar lain**

8. (1) Tanpa menyalahi seksyen 7, maka adalah sah bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar sesuatu Institusi dengan mendapat kelulusan Pegawai Hal Ehwal Pelajar terlebih dahulu yang diberi selepas mendapat persetujuan Menteri, dan tertakluk kepada apa-apa had dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar itu, menubuhkan sesuatu badan pelajar terdiri daripada pelajar Institusi itu bagi menganjurkan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu dalam Institusi itu.

(2) Peruntukan Jadual Ketiga, kecuali perenggan 1 dan 7, hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi JPP.

**Kuasa Ketua Eksekutif untuk menggantung atau membubarkan mana-mana JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

9. (1) Jika mana-mana JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar sesuatu Institusi yang ditubuhkan di bawah Akta ini yang menjalankan urusannya dengan cara yang pada pendapat Ketua Eksekutif boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan atau kesentosaan Institusi, atau kepada kepentingan atau kesentosaan mana-mana pelajar atau kakitangan Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau jika JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis, Ketua Eksekutif boleh, selepas memberikan JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Institusi itu peluang untuk membuat representasi secara bertulis, menggantung atau membubarkan JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Institusi itu.

(2) JPP atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Institusi yang terkilan dengan penggantungan atau pembubaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis penggantungan atau pembubaran itu, merayu secara bertulis kepada Menteri.

KESALAHAN

Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Institusi boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pelajar Institusi tidak boleh—

- (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang Menteri, selepas berunding dengan Ketua Eksekutif, menetapkan dan menyatakan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Institusi itu; atau
- (c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

(3) Seseorang pelajar Institusi dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Institusi yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bantangan terhadap—

- (a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang Menteri, selepas berunding dengan Ketua Eksekutif, menetapkan dan menyatakan secara bertulis

kepada Ketua Eksekutif sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Institusi itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Institusi tidak boleh dihalang daripada—

- (a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
- (b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Institusi itu.

(5) Institusi hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Institusi di dalam kampus.

**Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar  
dilarang memungut wang**

11. (1) Tiada seseorang pelajar sesuatu Institusi, atau tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar sesuatu Institusi, boleh, di dalam atau di luar kampus, atau di dalam atau di luar Malaysia, memungut, atau cuba memungut, atau menganjurkan atau cuba menganjurkan apa-apa pemungutan, atau membuat apa-apa rayuan secara lisan atau secara bertulis atau selainnya, atau cuba membuat sesuatu rayuan itu untuk memungut apa-apa wang atau harta lain daripada sesiapa jua, iaitu bukan wang atau harta yang genap atau hampir genap masanya dipungut di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau kewajipan lain di sisi undang-undang.

*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 15*

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Ketua Eksekutif boleh, dalam mana-mana hal tertentu, memberikan pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) *(Dipotong oleh Akta A1375).*

(5) Peruntukan seksyen ini adalah tambahan kepada dan bukanmengurangkan kuasa peruntukan mana-mana undang-undangbertulis berhubung dengan pungutan rumah ke rumah dan di jalan,pungutan awam, atau pungutan wang atau jualan lencana.

**Tanggungjawab pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

12. Jika suatu kesalahan boleh daftar telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan kesalahan itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar suatu Institusi yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini, tiap-tiap orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu hendaklah diuruskan mengikut seksyen 9.

13.*(Dipotong oleh Akta A1375).*

**Penggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara-perkara yang berhubungan dengan penahanan, dsb.**

14. (1) Jika seseorang pelajar suatu Institusi dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar—

(a) dia boleh, mengikut budi bicara Ketua Eksekutif, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan

16 *Undang-Undang Malaysia* AKTA 174

(b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki kampus Institusi itu.

(2) Jika seseorang pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar di bawah subseksyen (1) disabitkan atas kesalahan itu, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Jika seseorang pelajar suatu Institusi ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(4) Seseorang pelajar suatu Institusi yang ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, atau dipenjarakan atau ditahan bagi apa-apa jua sebab, boleh, dengan persetujuan Ketua Eksekutif, dibenarkan menduduki peperiksaan Institusi itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat atau kelulusan yang diberikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa lain, mengikut kehendak keadaan.

(5) Seseorang pelajar suatu Institusi yang digantung daripada menjadi pelajar Institusi di bawah subseksyen (1) boleh, semasa dia digantung sedemikian, diterima masuk sebagai pelajar mana-mana Institusi lain atau mana-mana Universiti dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(6) Seseorang pelajar suatu Institusi yang terhenti menjadi seorang pelajar di bawah Akta ini boleh diterima masuk sebagai pelajar Institusi itu atau mana-mana Institusi lain atau mana-mana Universiti dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.



*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 17*

(7) Jika penentuan mana-mana permohonan, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah berkenaan dengan mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang pelajar suatu Institusi bagi suatu kesalahan boleh daftar, berkeputusan dengan pelepasan atau pembebasannya, pelajar itu, jika digantung daripada Institusi itu atau telah menjalani tempoh pemenjaraan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Institusi itu dan tempoh penggantungan atau pemenjaraan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

(8) Jika penentuan mana-mana permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa berwajib berkenaan dengan perintah tahanan terhadap atau perintah yang mengenakan sekatan ke atas seseorang pelajar suatu Institusi di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, berkeputusan dengan pelepasannya atau sekatan yang dikenakan ke atasnya dibatalkan, pelajar itu hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Institusi itu dan tempoh tahanan dan sekatan yang dia tertakluk kepadanya tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

15. *(Dipotong oleh Akta A1375).*

16. *(Dipotong oleh Akta A1375).*

BAHAGIAN V

PERALIHAN

**Pelajar yang menjadi anggota persatuan yang sedia ada**

17. (1) Jika sebelum sahaja mula berkuat kuasanya Aktaini seseorang pelajar sesuatu Institusi adalah seorang anggotamana-mana persatuan

18 Undang-Undang Malaysia **AKTA 174**

yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], ia hendaklah, dari tarikh mula berkuat kuasanya Aktaini, terhenti menjadi anggotanya melainkan jika, dalam masa empatbelas hari selepas tarikh tersebut, ia mendapat kelulusan Menteri secara bertulis untuk terus menjadi anggotanya.

(2) Seseorang pemegang jawatan mana-mana persatuan yang, selepas tamat tempoh empat belas hari dari mula berkuat kuasanya Akta ini, berupa sebagai ada seseorang pelajar sesuatu Institusi sebagai anggotanya melanggar dengan subseksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, kenadiahukum denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

**Persatuan pelajar yang sedia ada**

18. (1) Jika pada tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini ada didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, atau \*Ordinan Syarikat Kerjasama 1948, Malaysia Barat [Ord. P.T.M. 33 tahun 1948], atau Ordinan Syarikat Kerjasama 1958, Sabah [Ord. 3 tahun 1958], atau Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak [Bab 66], sesuatu persatuan atau syarikat kerjasama, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang anggotanya adalah kesemuanya atau kebanyakannya pelajar daripada satu Institusi atau lebih maka persatuan atau syarikat kerjasama tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terubur apabila tamat tempoh empat belas hari dari tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, melainkan jika dalam masa tempoh itu kelulusan bertulis Menteri adalah diperoleh dan difail dengan Pendaftar Pertubuhan atau dengan Pendaftar Syarikat Kerjasama yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika sesuatu persatuan dibubarkan di bawah subseksyen 17(1) Akta Pertubuhan 1966, hendaklah terpakai mengenainya *mutatis mutandis* seolah-olah ia adalah suatu persatuan yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Akta tersebut.

(3) Jika sesuatu syarikat kerjasama dibubarkan di bawah subseksyen (1) Pendaftar Syarikat Kerjasama yang berkenaan hendaklah melantik seorang yang berwibawa untuk menjadi pelikuidasi syarikat kerjasama itu, tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar Syarikat Kerjasama

\*CATATAN—Ordinan Syarikat Kerjasama 1948, Malaysia Barat [Ord. P.T.M. 33 tahun 1958] telah dimansuhkan oleh seksyen 95 Akta Syarikat Kerjasama 1993 [Akta 502].

dan peruntukan Ordinan Syarikat Kerjasama yang berkenaan hendaklah terpakai bagi syarikat kerjasama itu seolah-olah ia adalah suatu syarikat kerjasama yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Ordinan itu dan pelikuidasi tersebut telah dilantik sebagai pelikuidasinya di bawah seksyen 41 Ordinan itu.

(4) Jika seseorang yang telah menjadi anggota sesuatu persatuan atau sesuatu syarikat kerjasama semasa ia seorang pelajar sesuatu Institusi telah terus menjadi anggotanya selepas ia telah berhenti daripada menjadi seorang pelajar sesuatu Institusi, maka ia hendaklah, bagi maksud menentukan di bawah seksyen ini sama ada anggota persatuan atau syarikat kerjasama itu adalah kesemuanya atau kebanyakannya pelajar daripada satu Institusi atau lebih, disifatkan sebagai seorang pelajar sesuatu Institusi.

(5) Apa-apa soalan tentang sama ada ahli sesuatu persatuan atau sesuatu syarikat kerjasama, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah kesemuanya atau kebanyakannya pelajar daripada satu Institusi atau lebih hendaklah diputuskan oleh Pendaftar Pertubuhan atau Pendaftar Syarikat Kerjasama yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan keputusannya mengenai soal itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah.

**Seksyen 17 dan 18 hendaklah mengatasi Akta Pertubuhan 1966 atau Ordinan Syarikat Kerjasama yang berkenaan**

19. (1) Seksyen 17 dan 18 hendaklah terpakai berhubung dengan sesuatu persatuan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam Akta itu, dan jika ada apa-apa percanggahan di antara peruntukan seksyen tersebut dengan peruntukan Akta tersebut, maka peruntukan seksyen tersebut hendaklah dipakai.

(2) Seksyen 18 hendaklah terpakai berhubung dengan sesuatu syarikat kerjasama walau apapun yang berlawanan yang terkandung dalam satu yang berkaitan daripada \*Ordinan Syarikat Kerjasama

---

\*CATATAN—Ordinan Syarikat Kerjasama 1948, Malaysia Barat [Ord. P.T.M. 33 tahun 1958] telah dimansuhkan oleh seksyen 95 Akta Syarikat Kerjasama 1993 [Akta 502].

yang tersebut dalam seksyen itu, dan jika ada apa-apa percanggahan di antara peruntukan seksyen tersebut dengan peruntukan Ordinan yang berkenaan yang tersebut, maka peruntukan seksyen tersebut hendaklah dipakai.

**Pertubuhan dan badan pelajar yang sedia ada dalam sesuatu Institusi**

20. (1) Pada tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, semua pertubuhan dan badan pelajar yang sedia ada sebaik sebelum tarikh itu di dalam sesuatu Institusi dan yang baginya seksyen 18 tidak terpakai hendaklah terubur.

(2) Semua apa jua wang, harta, aset dan hak semua pertubuhan dan badan pelajar yang sedia ada dalam sesuatu Institusi sebaik sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, pada tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini dan tanpa apa-apa jua pemindahhakan, serah hak atau pindah hak milik, terletak hak secara berikut:

- (a) jika Institusi itu adalah suatu perbadanan, atau adalah kepunyaan suatu perbadanan, sama ada suatu perbadanan tunggal atau suatu perbadanan kumpulan ia hendaklah terletak hak pada perbadanan itu;
- (b) jika Institusi itu bukan suatu perbadanan dan juga bukan kepunyaan suatu perbadanan, ia hendaklah terletak hak pada orang atau orang-orang yang mempunyai Institusi itu, atau pada pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah Institusi itu, jika ada,

dan hendaklah digunakan bagi faedah pelajar Institusi itu dengan cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Eksekutif menurut budi bicara mutlakanya.

(3) Seseorang yang ada dalam milikannya atau dalam jagaan, kawalan atau tanggungannya apa-apa jua wang, harta, aset atau hak yang tersebut dalam subseksyen (2), atau apa-apa dokumen berkenaan dengannya, hendaklah serta-merta menyerahkan wang, harta, aset, hak atau dokumen itu kepada dan ke dalam

milikanperbadanan, orang, atau pemegang amanah yang padanya wang,harta, aset, hak atau dokumen itu terletak hak mengikut subseksyen(2), dan ia hendaklah melakukan semua perbuatan atau perkarayang perlu untuk menyempumakan penyerahan atau pemilikanitu.

(4) Perbadanan, orang, atau pemegang amanah yang padanyaperletakkan itu adalah dilakukan mengikut subseksyen (2)adalah tidak bertanggungjawab atau tidak bertanggung untukmenunaikan apa-apa jua bayaran, hutang, kewajipan atau tanggunganmana-mana pertubuhan atau badan pelajar yang tersebut dalamsubseksyen (2):

Dengan syarat, walau bagaimanapun, bahawa Ketua EksekutifInstitusi itu boleh, menurut budi bicara mutlaknya, membuatkeputusan untuk menggunakan apa-apa jua wang, harta, aset atauhak yang terletak hak seperti tersebut di atas mengikut subseksyen(2) bagi menunaikan, apa-apa bayaran, hutang, kewajipan atautanggungan mana-mana pertubuhan atau badan pelajar itu jikadifikirkannya adil dan wajar berbuat demikian.

(5) Dalam seksyen ini "orang" termasuklah Kerajaan Malaysiaatau sesuatu Kerajaan Negeri.

(6) Menteri boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya perlu atau suai manfaatbagi maksud menguatkuasakan peruntukan seksyen ini atau untukmenghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh peruntukan itu.

## BAHAGIAN VI

### AM

#### **Perwakilan oleh Menteri**

21. (1) Menteri boleh mewakilkan, tertakluk kepada apa-apa terma dan sekatan yang ditetapkan olehnya, apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipannya di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu perwakilan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat sama ada secara am atau berhubung dengan mana-mana Institusi atau kelas atau perihal Institusi tertentu dan ia boleh dibuat kepada mana-mana orang atau kumpulan orang.

(3) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini boleh dibatalkan oleh Menteri pada bila-bila masa.

(4) Tiada sesuatu perwakilan apa-apa tugas, kuasa atau kewajipan di bawah seksyen ini boleh menyentuh atau melemahkan kuasa Menteri untuk melaksanakan tugas itu atau menjalankan kuasanya atau menyempurnakan kewajipan itu.

**Pemakaian Akta bagi Institusi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dan kuasa Menteri untuk meminda Jadual**

22. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu Institusi yang dinyatakan dalam ruang dua Jadual Pertama setakat yang dinyatakan bersementaraan dengannya dalam ruang tiga Jadual itu atau sebagaimana dinyatakan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 23.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menurut budi bicara mutlak, menambah kepada, memotong daripada atau dengan apa-apa cara meminda Jadual Pertama, Kedua atau Ketiga.

**Kuasa Menteri untuk memakai peruntukan Akta bagi Institusi dengan ubah suai, dsb.**

23. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, menurut budi bicara mutlak, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana peruntukan Akta ini termasuk peruntukan Jadual Kedua atau Ketiga, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, tidak terpakai bagi sesuatu Institusi atau kelas atau perihal Institusi tertentu, atau supaya peruntukan itu terpakai baginya, dengan apa-apa

ubah suaian, penyesuaian, tambahan, potongan atau pindaan sebagaimana yang difikirkannya perlu dan suai manfaat.

**Cawangan yang dibutirkan dalam Jadual Pertama disifatkan sebagai suatu Institusi yang berasingan**

24. Jika sesuatu cawangan Institusi atau apa-apa jua subsidiarinyayang lain adalah dimasukkan dalam Jadual Pertama sebagai suatu butiran berasingan Jadual itu, maka cawangan atau subsidiari lainitu hendaklah, bagi segala maksud Akta ini, disifatkan sebagai suatu Institusi yang berasingan daripada Institusi yang baginyasuat cawangan atau ia adalah subsidiari itu.

**Tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini berhubung dengansesuatu Institusi yang kemudiannya dimasukkan ke dalamJadual Pertama**

25. Sesuatu sebutan dalam Akta ini mengenai tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah, dalam pemakaiannya bagi sesuatuInstitusi yang dimasukkan ke dalam Jadual Pertama selepas tarikhberkuat kuasanya Akta ini, dibaca sebagai suatu sebutan mengenai tarikh kemasukan Institusi itu ke dalam Jadual Pertama mulaberkuat kuasa.

**Akta ini dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnyahendaklah dipakai**

26. Jika sekiranya ada apa-apa yang berlawanan atau bercanggahanantara peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangansubsidiari yang dibuat di bawahnya dengan peruntukan mana-manaundang-undang persekutuan lain atau perundangan subsidiari yangdibuat di bawahnya berhubung dengan pelajaran atau institusipelajaran atau sesuatu institusi pelajaran tertentu, maka peruntukanAkta ini dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnyahendaklah dipakai.

24 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2, 22, 24 dan 25]

INSTITUSI YANG BAGINYA AKTA KENA DIPAKAI

| Ruang Satu<br>Butiran No. | Ruang Dua<br>Nama atau perihal Institusi   | Ruang Tiga<br>Peruntukan Akta yang kena<br>dipakai                        |
|---------------------------|--|---|
| 1.                        | Institut Teknologi MARA, yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Institut Teknologi MARA 1976. Dan termasuklah sesuatu cawangan..... | Seluruh Akta  |
| 2-5.                      | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 165/1991)</i>  |   |
| 6.                        | Politeknik Ungku Omar  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 7.                        | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 8.                        | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 9-12.                     | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 165/1991).</i>   |   |
| 13.                       | Politeknik Batu Pahat  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 7, 8, 9, 17, 18, 19, 20 dan Jadual Ketiga |
| 14.                       | Politeknik Kota Bharu  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 15.                       | Politeknik Kuching   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 16.                       | Politeknik Port Dickson  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 17.                       | Politeknik Kota Kinabalu   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |
| 18.                       | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                         |



*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 25*

| Ruang Satu  | Ruang Dua   | Ruang Tiga  |
|-------------|---|---|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi                         | Peruntukan Akta yang kena dipakai                 |
| 19.         | Politeknik Johor Bahru                              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 20.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 21.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 22.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 23.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 24.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tunku Bainun        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 25.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 26.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 27.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 28.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 29.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 30.         | English Language Teaching Centre                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 31.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 32.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 33.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 34.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 35.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn     | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 36.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |

26 Undang-Undang Malaysia **AKTA 174**

| Ruang Satu  | Ruang Dua   | Ruang Tiga  |
|-------------|---|---|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi                           | Peruntukan Akta yang kena dipakai                                     |
| 37.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 38.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Ibtisam Razali Ismail | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 39.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu            | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 40.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 41.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 42.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Kent                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 43.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau                 | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 44.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 45.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 46.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 47.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 48.         | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 266/2007).</i>              |   |
| 49.         | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 266/2007).</i>              |   |
| 50.         | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 266/2007).</i>              |   |
| 51.         | Politeknik Seberang Perai                             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 52.         | Politeknik Kota, Melaka                               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 53.         | Politeknik Kota, Kuala Terengganu                     | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 54.         | Maktab Perguruan Besut, Terengganu                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20<br>- 1 Januari 1999 |

*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 25*

| Ruang Satu  | Ruang Dua   | Ruang Tiga  |
|-------------|---|---|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi                         | Peruntukan Akta yang kena dipakai                 |
| 19.         | Politeknik Johor Bahru                              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 20.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 21.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 22.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 23.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 24.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tunku Bainun        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 25.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 26.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 27.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 28.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 29.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 30.         | English Language Teaching Centre                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 31.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 32.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 33.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 34.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 35.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn     | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 36.         | Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |

26 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

| Ruang Satu<br>Butiran No. | Ruang Dua<br>Nama atau perihal Institusi            | Ruang Tiga<br>Peruntukan Akta yang kena<br>dipakai                    |
|---------------------------|---|---|
| 37.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 38.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 39.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 40.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau            | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 41.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 42.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Kent                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 43.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 44.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 45.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 46.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 47.                       | Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak     | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 48.                       | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 266/2007).</i>            |   |
| 49.                       | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 266/2007).</i>            |   |
| 50.                       | <i>(Dipotong oleh P.U.(A) 266/2007).</i>            |   |
| 51.                       | Politeknik Seberang Perai                           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 52.                       | Politeknik Kota, Melaka                             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 53.                       | Politeknik Kota, Kuala Terengganu                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                     |
| 54.                       | Maktab Perguruan Besut, Terengganu                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20<br>- 1 Januari 1999 |

*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 27*

| Ruang Satu  | Ruang Dua   | Ruang Tiga   |
|-------------|---|--|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi                       | Peruntukan Akta yang kena dipakai                                |
| 55.         | Maktab Perguruan Perlis, Perlis                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 - 1 Julai 1999 |
| 56.         | Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak         | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 1 Jun 1999     |
| 57.         | Kolej Matrikulasi Melaka                          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 58.         | Kolej Matrikulasi Labuan                          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 59.         | Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan                 | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 60.         | Kolej Matrikulasi Pulau Pinang                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 61.         | Kolej Matrikulasi Perlis                          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 62.         | Kolej Matrikulasi Perak                           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 63.         | Kolej Matrikulasi Johor                           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 64.         | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 65.         | Politeknik Merlimau, Melaka                       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 66.         | Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 67.         | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah         | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 68.         | Kolej Komuniti Arau                               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 69.         | Kolej Komuniti Bandar Darulaman                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 70.         | Kolej Komuniti Kepala Batas                       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 71.         | Kolej Komuniti Telok Intan                        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |
| 72.         | Kolej Komuniti Sabak Bernam                       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                |

28 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

| Ruang Satu<br>Butiran No. | Ruang Dua<br>Nama atau perihal Institusi | Ruang Tiga<br>Peruntukan Akta yang kena<br>dipakai |
|---------------------------|--|--|
| 73.                       | Kolej Komuniti Jempol                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 74.                       | Kolej Komuniti Bukit Beruang             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 75.                       | Kolej Komuniti Segamat                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 76.                       | Kolej Komuniti Kuantan                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 77.                       | Kolej Komuniti Kuala Terengganu          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 78.                       | Kolej Komuniti Tawau                     | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 79.                       | Kolej Komuniti Kuching                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 80.                       | Kolej Komuniti Sungai Petani             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 81.                       | Kolej Komuniti Bayan Baru                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 82.                       | Kolej Komuniti Chenderoh                 | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 83.                       | Kolej Komuniti Ledang                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 84.                       | Kolej Komuniti Mas Gading                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 85.                       | Kolej Komuniti Temerloh                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 86.                       | Kolej Komuniti Paya Besar                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 87.                       | Kolej Komuniti Segamat 2                 | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 88.                       | Kolej Komuniti Rompin                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 89.                       | Kolej Komuniti Hulu Langat               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |
| 90.                       | Kolej Komuniti Masjid Tanah              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20  |

*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 29*

| Ruang Satu  | Ruang Dua                                 | Ruang Tiga  |
|-------------|---|---|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi               | Peruntukan Akta yang kena dipakai                 |
| 91.         | Kolej Komuniti Bentong                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 92.         | Kolej Komuniti Jelevu                     | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 93.         | Kolej Komuniti Kuala Langat               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 94.         | Kolej Komuniti Selayang                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 95.         | Kolej Komuniti Hulu Selangor              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 96.         | Kolej Komuniti Pasir Salak                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 97.         | Kolej Komuniti Selandar                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 98.         | Kolej Komuniti Grik                       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 99.         | Kolej Komuniti Sungai Siput               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 100.        | Kolej Komuniti Jasin                      | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 101.        | Kolej Komuniti Bandar Penawar             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 102.        | Politeknik Sultan Idris Shah              | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 103.        | Politeknik Muadzam Shah                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 104.        | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 105.        | Politeknik Mukah                          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 106.        | Politeknik Balik Pulau                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 107.        | Politeknik Jeli, Kelantan                 | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 108.        | Politeknik Nilai, Negeri Sembilan         | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |

30 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

| Ruang Satu  | Ruang Dua                              | Ruang Tiga  |
|-------------|--|---|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi            | Peruntukan Akta yang kena dipakai                 |
| 109.        | Politeknik Banting, Selangor           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 110.        | Kolej Matrikulasi Pahang               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 111.        | Kolej Matrikulasi Kedah                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 112.        | Kolej Komuniti Pasir Gudang            | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 113.        | Kolej Komuniti Kulim                   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 114.        | Kolej Komuniti Langkawi                | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 115.        | Kolej Komuniti Baling                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 116.        | Kolej Komuniti Tampin                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 117.        | Kolej Komuniti Rembau                  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 118.        | Kolej Komuniti Miri                    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 119.        | Kolej Komuniti Kok Lanas               | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 120.        | Kolej Komuniti Cawangan Tanjung Karang | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 121.        | Kolej Komuniti Cawangan Klang          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 122.        | Kolej Komuniti Cawangan Tanjung Piai   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 123.        | Kolej Komuniti Cawangan Muar           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 124.        | Kolej Komuniti Cawangan Pagoh          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 125.        | Kolej Komuniti Cawangan Bandar Baharu  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |
| 126.        | Kolej Komuniti Cawangan Jerai          | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 |



*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)* 31

| Ruang Satu  | Ruang Dua                              | Ruang Tiga   |
|-------------|--|--|
| Butiran No. | Nama atau perihal Institusi            | Peruntukan Akta yang kena dipakai                                    |
| 127.        | Kolej Komuniti Cawangan Jeli           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 128.        | Kolej Komuniti Cawangan Kota Melaka    | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 129.        | Kolej Komuniti Cawangan Nibong Tebal   | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 130.        | Kolej Komuniti Cawangan Bukit Mertajam | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 131.        | Kolej Komuniti Cawangan Santubong      | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 132.        | Kolej Komuniti Cawangan Betong         | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 133.        | Kolej Komuniti Cawangan Raub           | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 134.        | Kolej Komuniti Cawangan Semporna       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 135.        | Kolej Komuniti Cawangan Manjung        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 136.        | Kolej Komuniti Cawangan Kemaman        | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20                    |
| 137.        | Institut Pendidikan Guru Malaysia      | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 - 25 November 2010 |
| 138.        | Kolej Matrikulasi Selangor             | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 - 13 Julai 2010    |
| 139.        | Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang      | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 - 13 Julai 2010    |
| 140.        | Kolej Matrikulasi Teknikal Kedah       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 - 13 Julai 2010    |
| 141.        | Kolej Matrikulasi Teknikal Johor       | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20 - 5 Januari 2011   |

---

JADUAL KEDUA

[Seksyen 6, 22 dan 23]

KAEDAH-KAEDAH INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB  
PELAJAR-PELAJAR) 1976

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Nama

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang berkuasa kepada seseorang yang menggunakan jalan atau kereta di dalam kampus;

“asrama” ertinya apa-apa perumahan, dengan apa jua nama disebut, yang disediakan oleh Institusi untuk kediaman pelajar;

“bilik tatatertib” ertinya suatu bilik yang diuntukkan bagi maksud menjalankan prosiding tatatertib amnya atau bagi maksud sesuatu prosiding tatatertib tertentu;

“Bursar” ertinya ketua pegawai kewangan sesuatu Institusi, tidak kira samaada ia dipanggil Bursar atau dengan apa-apa nama jawatan lain;

“dadah” ertinya apa-apa dadah atau benda yang pada masa itu dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];

### *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 33*

“judi” ertinya bermain sesuatu permainan nasib atau permainan kepandaian. atau permainan nasib campur kepandaian, untuk mendapatkan wang atau sesuatu yang boleh dinilai dengan wang dan termasuk pertaruhan atau apa-apa loteri:

“kakitangan” termasuklah mana-mana pekerja Institusi:

“kenderaan” ertinya sesuatu binaan yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan untuk membawa seseorang atau sesuatu benda dan yang menjajatkan bila bergerak;

“kenderaan bermotor” ertinya segala jenis kenderaan yang didorong dengan cara pesawat yang terkandung di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh suatu kenderaan bermotor sama ada atau tidak bahagian daripada kenderaan itu ditempatkan di atas kenderaan bermotor yang menariknya itu;

“kesalahan tata tertib” ertinya suatu kesalahan tata tertib di bawah Kaedah-kaedah ini;

“Ketua Jabatan” bagi maksud—

- (a) jabatan kerajaan ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian atau unit dalam jabatan itu dan termasuklah seseorang pegawai lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi jabatan, bahagian atau unit jabatan itu untuk bertindak bagi pihaknya;
- (b) institusi ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu institusi, bahagian atau unit dalam institusi itu dan termasuk seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi institusi, bahagian atau unit dalam institusi itu untuk bertindak bagi pihaknya; dan
- (c) agensi swasta ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu agensi, bahagian atau unit dalam agensi itu dan termasuklah seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi agensi, bahagian atau unit itu untuk bertindak bagi pihaknya;

“kursus” ertinya apa-apa bentuk bidang pengajian yang dikendalikan oleh Institusi bagi sesuatu tempoh yang ditentukan oleh Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan;

“Latihan amali” ertinya sesuatu latihan praktikal yang perlu dilakukan oleh pelajar berkaitan dengan kursusnya bagi suatu tempoh tertentu sama ada di dalam atau di luar Institusi;

“likuor” ertinya apa-apa likuor yang mempunyai kekuatan alkohol;

34 Undang-Undang Malaysia ~~AKTA~~ 174

"meletak kereta" ertinya memb~~e~~erhentikan sesuatu kenderaan dan menyebabkannya menunggu sesuatu maksud selain daripada maksud untuk mengambil atau menurunkan orang, barang~~b~~arang atau bagasi;

"orang diberi kuasa" ertinya seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi Pihak Institusi;

"pegawai" ertinya seseorang yang menyandang sesuatu jawatan dalam Institusi atau dalam sesuatu lad~~a~~an yang ditubuhkan oleh atau di bawah Institusi atau yang bertugas di Institusi, sama ada jawatan itu jawatan sukarela, atau untuk mendapat saraan, atau selainnya;

"pegawai perpustakaan" ertinya seseorang yang menjaga perpustakaan dengan sewajarnya di dalam Institusi pada bila-bila masa;

"pelajar biasiswa" termasuklah seseorang pelajar yang belajar dengan sesuatu biasiswa, dermasiswa, pinjaman, anjuran, cuti bergaji atau cuti tanpa gaji atau dengan pemberian apa-apa kemudahan lain, daripada mana-mana Kerajaan, Institusi, pihak berkuasa berkanun, pertubuhan perdagangan atau perniagaan atau badan lain;

"pelajar menetap" ertinya seseorang pelajar yang tinggal dalam sesuatu asrama;

"prosiding tatatertib" ertinya prosiding tatatertib di bawah Kaedah-kaedah ini;

"peperiksaan" ertinya apa-apa bentuk penilaian atau pengukuran atau ujian atau sebahagian daripadanya yang membawa markah atau gred bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus;

"pihak berkuasa tataertib" ertinya Pegawai Hal Ehwal Pelajar atau, di mana berkenaan, seseorang atau sesuatu lembaga yang diwakili oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar dengan tugas, kuasa atau kewajipan tataertib di bawah subseksyen 5(3);

"racun" ertinya apa-apa benda yang dinyatakan namanya dalam ruang satu dalam Senarai Racun dalam Akta Racun 1952 [Akta 366] dan termasuklah apa-apa sediaan, larutan, sebatian, campuran atau benda semulajadi yang mengandungi benda itu;

"tanda lalu lintas" termasuklah apa-apa syarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas atau berhampir dengan jalan untuk maklumat, panduan atau arahan orang yang menggunakan jalan;

"Warden" ertinya pegawai yang menjaga sesuatu asrama dan termasuklah seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihaknya atau untuk membantunya.

TATATERTIB AM

Larangan am

3. Seseorang pelajar tidak boleh—

- (a) berkelakuan, sama ada di dalam atau di luar kampus, secara yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik Institusi, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tatatertib;
- (b) melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus;
- (c) menggendalakan atau dengan apa-apa cara mengganggu, atau menyebabkan digendala atau dengan apa-apa cara diganggu, apa-apa pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran, atau apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Institusi, atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan pengendalaan atau penggangguan itu;
- (d) menahan, menghalang atau mengganggu atau menyebabkan ditahan, dihalang atau diganggu, mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja Institusi atau seseorang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran kakitangan, pegawai atau pekerja itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau tugasnya, atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan penahanan, penghalangan atau penggangguan itu;
- (e) menahan atau menghalang, atau menyebabkan ditahan atau dihalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri sesuatu kuliah, tutorial atau kelas atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti yang sah, atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan penahanan atau penghalangan itu;
- (f) mengatur, mengapiakan atau menyertai pemboikotan sesuatu peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau aktiviti yang sah lain yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Institusi;
- (g) merosakkan dengan apa-apa cara atau menyebabkan dirosakkan dengan apa-apa cara apa-apa harta Institusi, atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan itu;
- (h) mengusik, mengganggu, mengalih atau dengan apa-apa cara melakukan sesuatu ke atas apa-apa jua benda, objek, barang atau harta, atau dengan diketahuinya melakukan apa-apa perbuatan atau

36 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

menyebabkan apa-apa perbuatan dilakukan di dalam kampus dengan tujuan untuk menyebabkan atau mungkin menyebabkan apa-apa halangan, kesusahan, kegusaran, kerugian atau kerosakan kepada seseorang;

- (i) melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan atau kehendak pegawai perpustakaan, seseorang kakitangan perpustakaan atau pekerja perpustakaan lain mengenai penggunaan perpustakaan, bukunya dan kemudahan lain di dalamnya;
- (j) membawa masuk atau keluar ke dalam atau daripada bilik peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar, kecuali yang dibenarkan oleh pemeriksa, atau menerima apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar daripada mana-mana orang lain semasa di dalam bilik peperiksaan itu, kecuali bahawa seseorang pelajar boleh, semasa iadi dalam bilik peperiksaan itu, menerima daripada penyelia apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain yang dibenarkan oleh Ketua Eksekutif Institusi;
- (k) berhubung dengan mana-mana pelajar lain dalam masa peperiksaan dengan apa-apa cara jua pun.

**Kehadiran di kuliah**

4. Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, ia hendaklah menghidirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan ia untuk mendapatkan kebenaran itu terlebih dahulu dan ada sebab atau alasan yang munasabah kerana tidak hadir, dan dalam hal yang demikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memberitahu secara bertulis kepada Ketua Jabatan dengan memuaskan hatinya, sebab ia tidak hadir dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya.

**Latihan amali**

5. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri latihan amali atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, pelajar itu hendaklah menghadiri latihan amali atau pengajaran itu, melainkan jika dia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan di mana latihan itu dijalankan dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan pelajar itu untuk mendapatkan kebenaran itu terlebih dahulu dan ada sebab atau alasan yang munasabah kerana tidak hadir dan dalam hal yang demikian dia hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya memberikan secara bertulis kepada Ketua Jabatan itu, sebab dia tidak hadir dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya.

(2) Semasa menjalani latihan amali, seseorang pelajar adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan atau arahan tempat di mana latihan itu dijalankan dan juga peraturan-peraturan dan arahan-arahan Institusi.

(3) Jika sekiranya ada apa-apa yang berlawanan atau bercanggahan antaraperaturan-peraturan Institusi dengan peraturan-peraturan tempat di mana latihan dijalankan, maka peraturan-peraturan Institusi hendaklah terpakai.

#### **Pakaian dan penampilan diri**

6. Seseorang pelajar hendaklah berpakaian secara sopan atau bersesuaian ketika menghadiri kuliah, tutorial, peperiksaan, kelas, bengkel atau ketika melibatkan diri atau menghadiri apa-apa aktiviti sama ada di dalam atau di luar kampus atau semasa berada di mana-mana bahagian di dalam kampus.

#### **Masuk peperiksaan**

7. Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan ia masuk sesuatu peperiksaan dan ianya tidak tersekat daripada masuk peperiksaan itu, ia hendaklah masuk peperiksaan itu melainkan jika ia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Eksekutif dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan ia mendapatkan kebenaran itu terlebih dahulu dan ada sebab dan alasan yang munasabah kerana tidak masuk peperiksaan itu, dan dalam hal yang demikian pelajar itu hendaklah, dengan secepat secepat yang boleh kemudiannya, memberitahu secara bertulis kepada Ketua Eksekutif dengan memuassakan hatinya sebab ia tidak masuk peperiksaan itu dan mendapatkan secara bertulis kelulusan mengenainya.

#### **Kelakuan semasa peperiksaan**

7A. Tiada pelajar boleh—

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau bendalain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau keluar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (b) menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan

### 38 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya:

- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

#### Sekatan mengenai penggunaan teks kuliah, dll.

8. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks sesuatu kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Institusi kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; khususnya, ia tidak boleh menyalin dengan apa-apa cara kesemua atau mana-mana bahagian daripada teks itu bagi maksud penerbitan atau pengedaran sama ada untuk mendapatkan bayaran atau tidak.

(2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai menyekat budi bicara Ketua Eksekutif untuk membenarkan seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan atau badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks sesuatu kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Ketua Eksekutif atau mana-mana kakitangan Institusi sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Eksekutif, dan pada memberi kebenaran itu Ketua Eksekutif boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

#### Larangan terhadap plagiarisme

8A. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

(2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah—

- (a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data, atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
- (b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambildaripada beberapa sumber lain.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia—



*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 39*

- (a) menerbitkan dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;
- (b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademiknya, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;
- (c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
- (d) memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerjalapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
- (e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usahasama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kumpulan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;
- (f) menranskripsikan idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- (g) menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau
- (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubah suaian tanpa rujukan sewajarnya kepada

#### 40 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

sumber asaldan menyusun semula idea itu dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

#### Mengatur, dsb., perhimpunan

9. (1) Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Eksekutif atau kebenaran seseorang yang dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Eksekutif untuk memberi kebenaran itu, boleh mengadakan, mengatur, memanggil atau menyebabkan diadakan, diatur, dipanggil atau dengan apa-apa cara terlibat dalam mengadakan, mengatur, memanggil atau dalam menyebabkan diadakan, diatur, dipanggil, atau dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, mengatur, memanggil, sesuatu perhimpunan seramai lebih daripada lima orang di mana-mana bahagian kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau yang ada di bawah milikan atau kawalan Institusi atau yang digunakan bagi maksud Institusi.

(2) Pada memberi kebenaran yang tersebut dalam subkaedah (1) Ketua Eksekutif atau orang yang diberi kuasa olehnya untuk memberi kebenaran itu boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berhubung dengan perhimpunan yang dicadangkan itu.

(3) Tiada seseorang pelajar boleh dengan diketahuinya menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan bersalahan dengan subkaedah (1) atau (2).

#### Pemunyaan, milikan dan penggunaan pembesar suara, dsb.

10. Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh mempunyai, atau menggunakan, atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya, sesuatu pembesar suara, pelaut suara, penguat suara, atau alat lain yang seumpamanya:

Dengan syarat bahawa Ketua Eksekutif, atau seseorang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis, boleh membenarkan secara bertulis, apa-apa alat untuk dipunyai, digunakan atau dimiliki oleh seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan pelajar untuk apa-apa maksud dan tertakluk kepada apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Ketua Eksekutif atau orang yang diberi kuasa olehnya sebagaimana tersebut di atas perlu atau suai manfaat dikenakan pada memberi kebenaran itu.

#### Membuat, mengguna, menunjukkan, mempunyai, dsb., panji, pelekat, dsb.

11. Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh—

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat atau melakukan sesuatu perbuatan untuk membuat atau menyebabkan dibuat; atau
- (b) mengibar, mempamer, menunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dengan apa-apa cara digunakan; atau
- (c) mempunyai atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya, sesuatu bendera, panji, pelekat, poster, lambang atau alat lain yang boleh menggalakkan perbuatan melanggar tata tertib, kekacauan, keengkaratan atau pelanggaran terhadap Kaedah-Kaedah ini.

**Menerbitkan, dsb., dokumen**

12.(1) Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh menerbitkan, membahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam atau di luar kampus:

Dengan syarat bahawa Ketua Eksekutif, atau seseorang yang diberikuasa olehnya secara bertulis, boleh membenarkan secara bertulis sesuatu dokumen tertentu diterbitkan, dibahagikan atau diedarkan untuk apa-apa maksud dan tertakluk kepada apa-apa sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Ketua Eksekutif atau orang yang diberi kuasa olehnya sebagaimana tersebut di atas perlu atau suai manfaat dikenakan pada memberikebenaran itu.

(2) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini adalah tambahan kepada apa-apa lesen, permit atau bentuk kebenaran lain yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**Aktiviti pelajar di luar kampus**

13. Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh mengatur, menjalankan atau menyertai sesuatu aktiviti di luar kampus, kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis Ketua Eksekutif terlebih dahulu dan dengan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa sekatan, terma atau syarat yang difikirkan oleh Ketua Eksekutif perlu atau suai manfaat dikenakan.

**Pelajar bertugas dalam pekerjaan, dsb.**

14. Tiada seseorang pelajar, di dalam atau di luar kampus, boleh bertugas dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, sama ada sepenuh atau separa masa, yang pada pendapat Ketua Eksekutif adalah tidak wajar.

**Representasi berhubung dengan Institusi, dsb.**

42 *Undang-Undang Malaysia* AKTA 174

15. Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Eksekutif membuat, berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Institusi atau dengan kakitangan atau pelajar Institusi itu, atas sifat mereka sebagai demikian, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Institusi itu, apa-apa representasi atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada seseorang pegawai awam, atau kepada akhbar, atau kepada orang ramai dalam masa sesuatu syarahan, ucapan atau pernyataan awam atau dalam masa sesuatu penyiaran dengan suara atau gambar.

**Bantahan pelajar terhadap kemasukan, ketidakmasukan, dsb., orang daripada kampus**

16. Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain terhadap kemasukan seseorang, badan atau kumpulan orang ke dalam kampus, atau terhadap kehadiran orang, badan atau kumpulan itu dalam kampus, atau terhadap ketidakmasukan atau penyingkiran orang, badan atau kumpulan itu dari kampus.

**Judi dalam kampus**

17. Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh mengatur, mengurus, menjalankan atau membantudalam mengatur, mengurus atau menjalankan, atau menyertai, apa-apa judi, pertaruhan atau loteri dalam kampus.

**Minum atau memiliki minuman keras dan mabuk**

18. (1) Tiada seseorang pelajar boleh meminum atau ada dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras di dalam kampus.

(2) Seseorang pelajar yang didapati dalam keadaan mabuk di dalam kampus adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

**Bahan lucah**

19. (1) Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah di dalam kampus.

(2) Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membahagikan, mengedar atau mempamerkan, atau menyebarkan

dibahagikan, diedar atau dipamerkan atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam membahagi, mengedar atau mempamer apa-apa bahan lucah di dalam kampus; seseorang pelajar adalah disifatkan sebagai membahagikan, mengedar atau mempamerkan sesuatu bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pemameran itu adalah kepada satu orang sahaja atau lebih daripada satu orang dan tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, pengedaran atau pemameran itu adalah untuk mendapat bayaran atau apa-apa balasan lain.

(3) Tiada seseorang pelajar boleh melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam kampus.

#### **Dadah dan racun**

20. (1) Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.

(2) Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang, pada pendapat pihak berkuasa tatatertib, adalah direka bentuk atau dimaksud untuk digunakan bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan cara suntikan atau dengan apa-apa cara lain apa-apa dadah atau racun.

(3) Tiada seseorang pelajar boleh memberi, membekal, mengadakan atau menawarkan atau bercadang hendak memberi, membekal, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.

(4) Tiada seseorang pelajar boleh makan atau minum atau menghisap, atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan cara suntikan atau dengan apa-apa cara lain, apa-apa dadah atau racun.

(5) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*].

(6) Seseorang pelajar yang didapati menggunakan atau mengambil atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa dadah atau racun adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

#### **Kebersihan di dalam kampus**

21. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau kebersihan atau kekemasan mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, taman atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bahagian kampus lain

#### 44 *Undang-Undang Malaysia* AKTA 174

atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam kampus.

#### **Membuat bunyi yang mengusarkan dan mengganggu**

22. Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan diterbitkan apa-apa bising atau bunyi, dengan apa-apa jalan atau dengan apa-apa cara, jika bising atau bunyi itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada orang lain di dalam kampus.

#### **Tempat tinggal atau tempat tidur di kampus**

23. Tiada seseorang pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan digunakan mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan di dalam kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat yang disediakan baginya dalam asrama dalam Institusi.

#### **Memasuki bahagian larangan kampus atau bangunan**

24. Seseorang pelajar tidak boleh memasuki mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian daripada bangunan di dalam kampus jika pelajar amnya atau pelajar atau golongan pelajar yang berkenaan, khususnya, adalah dilarang masuk ke dalamnya.

#### **Kad pelajar**

25. (1) Institusi hendaklah mengeluarkan kepada tiap-tiap pelajar suatu kad pengenalan yang disebut Kad Pelajar yang mana hendaklah ada padanya foto pelajar itu dan berupa dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

(2) Tiap-tiap pelajar hendaklah ada Kad Pelajarnya dalam miliknya pada setiap masa di dalam kampus dan hendaklah mengemukakannya apabila dikehendaki berbuat demikian oleh seorang orang berkuasa.

(3) Seseorang pelajar hendaklah memakai Kad Pelajarnya dengan apa-apa cara, pada bila-bila peristiwa dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan, dari semasa ke semasa, oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

#### **Keingkaran**

26. Jika seseorang pelajar tidak mematuhi atau melanggar sesuatu arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh mana-mana kakitangan,

## *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 45*

pegawai atau pekerja Institusi yang diberi kuasa untuk memberi atau membuatnya dalam kampus, maka pelajar itu adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

### **Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib**

26A. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh, pada budi bicaranya, sebagai gantinya mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(i), kaedah-kaedah 6, 21, 22, 23 dan 25 dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya peluang untuk membuat rayuan lisan berkenaan dengannya dalam tempoh tidak melebihi 5 hari kepada pihak berkuasa tatatertib itu.

(2) Setelah penganan hukuman yang tersebut dalam subkaedah (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah, dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis mengenai hukuman yang dikenakan itu dalam suatu bering mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, dan jika hukuman yang dikenakan itu ialah denda, peruntukan kaedah-kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

### **BAHAGIAN III**

#### **TATATERTIB ASRAMA**

#### **Memasuki atau berada dalam bilik pelajar menetap**

27. (1) Tiada seseorang boleh memasuki atau berada dalam bilik yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai bagi seseorang kakitangan, pegawai, pekerja atau ejen Institusi yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya, atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Warden:

Dan selanjutnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang pelajar menetap daripada jantina yang sama untuk lawatan bagi maksud sosial yang biasa.

#### 46 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

(2) Adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab seseorang pelajar menetap memastikan supaya sekatan dalam subkaedah (1) dipatuhi dengan semestinya berkenaan dengan bilik yang diduduki olehnya itu.

#### Menghalang, dsb., pegawai, dsb., daripada masuk dan menjalankan tugas

28. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang atau menahan seseorang kakitangan, pegawai, pekerja atau ejen Institusi daripada memasuki bilik pelajar menetap dan menjalankan tugas, kewajiban atau tanggungjawabnya di bilik itu.

#### Berada di luar asrama pada waktu malam

29. Seseorang pelajar menetap tidak boleh berada di luar asrama selepas pukul 11.00 malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Warden.

#### Berada di dalam premis asrama selepas pukul 11.00 malam

30. Selepas pukul 11.00 malam, kecuali pelajar menetap dalam asrama mereka masing-masing, tiada seseorang pelajar lain boleh berada dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Warden.

#### Cermat pada menggunakan premis asrama dan larangan

31. (1) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajar dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain kepada mana-mana bahagian taman atau bangunan atau apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.

(2) Dalam menggunakan premis asrama dan kemudahan di dalamnya seseorang pelajar hendaklah berhemat cermat bagi memastikan supaya ia tidak dengan demikian itu menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

(3) Seseorang pelajar menetap sama sekali dilarang memasak di dalam biliknya kecuali dalam bilik yang disediakan.

(4) Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa jenis binatang di dalam biliknya atau premis asrama.

Pelajar tidak boleh berpindah bilik tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu



### *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 47*

32. Jika seseorang pelajar diuntukkan sebuah bilik untuk tempat tinggalnya oleh Institusi, ia tidak boleh menukar tempat tinggalnya ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu yang diberi oleh atau bagi pihak Warden.

**Pelajar menetap hendaklah mengosongkan atau berpindah tempat tinggal apabila dikehendaki oleh Institusi**

33. (1) Seseorang pelajar menetap tinggal di sesuatu asrama mengikut budibicara dan kesukaan mutlak Institusi.

(2) Institusi boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Institusi pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki di bawah subkaedah (2) mengosongkan atau berpindah dari tempat tinggalnya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Institusi dan hendaklah dalam tempoh itu mengeluarkan semua barang kepunyaannya daripada tempat tinggal yang ia dikehendaki mengosongkan atau dari mana ia dikehendaki berpindah itu.

**Kuasa Warden untuk memberi perintah atau arahan berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib**

34. Warden atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa olehnya boleh, dari semasa ke semasa memberi, secara lisan atau secara bertulis, apa-apa perintah atau arahan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib dalam asrama, dan perintah atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang mengenainya perintah atau arahan itu diberi mematuhi dan melaksanakannya.

#### BAHAGIAN IV

#### TATATERTIB LALU LINTAS JALAN

**Kebeneran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan bermotor di dalam kampus**

35. (1) Seseorang pelajar yang bercadang hendak menyimpan, memiliki atau mempunyai apa-apa kenderaan bermotor di dalam kampus hendaklah, pertamanya, memohon kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajaran dan mendapatkan daripadanya suatu kebenaran bertulis berkenaan dengannya; permohonan dan kebenaran bertulis itu

## 48 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

hendaklah dalam borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, tertakluk kepada subkaedah (2).

(2) Permohonan untuk kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar itu secara bertulis menyatakan perihal kenderaan bermotor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan bermotor itu yang berkuat kuasa pada masa itu dan polisi insuran pihak ketiga yang berkuat kuasa pada masa itu berkenaan dengan kenderaan bermotor itu dan suatu lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu; pemohon itu hendaklah juga menyatakan apa-apa kesalahan tata tertib yang ia telah didapati bersalah atasnya pada bila-bila masa.

(3) Kebenaran bertulis Pegawai Hal Ehwal Pelajar itu hendaklah diberidalam borang sebagaimana yang diarahkannya dan hendaklah sentiasa ditunjukkan dengan mudah dilihat pada kenderaan bermotor itu.

(4) Kebenaran bertulis itu hendaklah diperbaharui pada tiap-tiap tahun dan peruntukan subkaedah (1) dan (2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi permohonan untuk memperbaharui kebenaran bertulis itu.

(5) Pegawai Hal Ehwal Pelajar boleh enggan memberi kebenaran di bawah kaedah ini atau boleh membatalkan apa-apa kebenaran yang telah diberidi bawah kaedah ini jika ia berpuas hati bahawa adalah berlawanan dengan kepentingan Institusi bagi pelajar itu memegang kebenaran itu.

### Daftar kenderaan bermotor pelajar

36. Pegawai Hal Ehwal Pelajar hendaklah mengarahkan supaya suatu daftar disenggara bagi semua kenderaan bermotor yang disimpan, dimiliki atau dipunyai oleh pelajar di dalam kampus mengikut bentuk yang difikirkan patut oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

### Had laju

37. Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kenderaan bermotor di dalam kampus selaju lebih daripada yang ditunjukkan oleh sesuatu tandala laluan.

### Kenderaan bermotor hendaklah dipandu atas jalan raya sahaja

38. Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kenderaan bermotor di mana-mana tempat melainkan di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan raya bagi kenderaan bermotor; khususnya tiada sesebuah kenderaan bermotor boleh dipandu oleh seseorang pelajar di atas laluan jalan kakiberturap, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki atau tempat lain, sama adadi sisi jalan raya bagi kenderaan bermotor atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan khas untuk laluan bagi kenderaan bermotor.

**Memandu kenderaan bermotor di atas koridor, dsb.**

39. Tiada seseorang pelajar boleh memandu atau menunggang sesuatu kenderaandi atas koridor, beranda, kaki lima, halaman berkepong atau dalam mana-manabahagian daripada mana-mana bangunan.

**Meletak kenderaan secara menghalang**

40. Tiada seseorang pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-manatempat atau dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan ataukesusahan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain.

**Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan**

41. Jika sesuatu ruang letak kereta diuntukkan bagi sesuatu kenderaan bermotortertentu, tiada seseorang pelajar boleh meletak sesuatu kenderaan bermotoryang lain dalam ruang letak kereta itu.

**Membonceng**

42. (1) Seseorang pelajar yang memandu sesuatu motosikal beroda duatidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motosikal itu.

(2) Tiada seseorang pelajar boleh membawa seseorang di atas sesuatumotosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk tercelapak di belakangpemandu itu atas suatu tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna yang dipasang kepada motosikal itu dengan kukuh.

(3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atasesuatu motosikal beroda dua oleh seseorang, sama ada orang itu pelajar ataubukan, melanggar dengan subkaedah (1) atau (2).

**Arahan dan tanda lalu lintas hendaklah dipatuhi**

43. Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas dan semuatanda lalu lintas.

**Mengemukakan lesen memandu dan Kad Pelajar apabila diminta**

## 50 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

44. Mana-mana pelajar yang memandu atau menjaga atau mengawal sesuatu kenderaan hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang masih sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan juga Kad Pelajarnya dan hendaklah mengemukakan untuk diperiksa oleh seseorang berkuasa apabila jua dikehendaki berbuat demikian.

### Menghalang perjalanan lalu lintas

45. Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu pergerakan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam kampus.

### Pemakaian Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam kampus

46. (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya hendaklah terpakai bagi pelajar di dalam kampus seolah-olah jalan di dalam kampus adalah jalan awam dalam Wilayah Persekutuan dan kesalahan di bawah Akta tersebut dan di bawah perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya itu adalah kesalahan tatatertib berhubung dengan pelajaran boleh dikenakan hukuman sebagai kesalahan tatatertib, dan oleh hal yang demikian tiap-tiap pelajar hendaklah mematuhi peruntukan itu di dalam kampus.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subkaedah (1) boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau mana-mana orang lain di dalam kampus bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

### Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib

47. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh, menurut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, iaitu amaran atau denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini di hadapan atau dalam penglihatan pihak berkuasa tatatertib itu:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar itu, pihak berkuasa tatatertib itu hendaklah memberitahu kepadanya tentang kesalahan tatatertib yang telah dilakukan olehnya dan memberi ia peluang untuk membuat rayuan lisan berkenaan dengannya, di situ juga, kepada pihak berkuasa tatatertib itu.

## *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 51*

(2) Setelah mengenakan hukuman yang tersebut dalam subkaedah (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis bertulis mengenai hukuman yang dikenakan itu dalam suatu borang mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, dan jika hukuman yang dikenakan itu adalah denda, kaedah 61 dan 62 hendaklah terpakai.

(3) Kaedah ini hendaklah terpakai walau apapun peruntukan lain yang berlawanan dengannya dalam Kaedah-Kaedah ini.

### BAHAGIAN V TATACARA TATATERTIB

#### Hukuman tatatertib

48. Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman itu disatukan sekali:

- (a) amaran;
- (b) denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit;
- (c) penggantungan daripada mana-mana daripada atau kesemua kemudahan Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- (d) penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- (e) penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di Institusi;
- (f) penyingkiran daripada mana-mana bahagian Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- (g) pembuangan daripada Institusi, oleh pihak berkuasa tatatertib.

#### Hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib

49. Jika pada pendapat pihak berkuasa tatatertib seseorang pelajar telah melakukan sesuatu kesalahan tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah, secara bertulis, menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di sesuatu bilik tatatertib, pada sesuatu tarikh dan pada sesuatu masa sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib itu.

## **52 Undang-Undang Malaysia AKTA 174**

### **Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib**

50. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut sesuatu kehendak di bawah kaedah 49 ia hendaklah selepas sahaja daripada itu digantung daripada menjadi pelajar Institusi dan tidak boleh selepas itu berada atau memasuki kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar itu bersetuju untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan, sebenarnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu bersetuju untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib.

### **Fakta kesalahan hendaklah dijelaskan dan pengakuan hendaklah diambil**

51. Dalam prosiding tatatertib di dalam bilik tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar itu fakta mengenai kesalahan tatatertib yang dikata telah dilakukan oleh pelajar itu dan meminta ia membuat pengakuan atas kesalahan itu.

### **Akuan bersalah dan tatacara berbangkit**

52. Jika pelajar itu mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan fakta kes itu kepadanya; jika ia mengaku kebenaran fakta ini pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan ia bersalah atas kesalahantatatertib itu dan meminta ia membuat apa-apa rayuan untuk mendapat hukuman ringan.

### **Tatacara bagi pendengaran jika pelajar mengaku tidak bersalah**

53. Jika pelajar itu mengaku tidak salah atas kesalahan tatatertib atau tidak atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku kebenaran fakta kes itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain bagi menyokong kes itu terhadap pelajar itu; pelajar itu hendaklah diberi peluang menyoal saksi itu dan memeriksa dokumen atau benda itu, dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi itu.

### **Keterangan Pelajar**

54. Selepas keterangan yang tersebut di dalam kaedah 53 diterima, pelajar itu hendaklah diberi peluang memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain untuk pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar itu atau mana-mana daripada saksinya dan memeriksa mana-mana dokumen atau bendaitu, dan pelajar itu boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksinya.

### **Pihak berkuasa tatatertib menyoal atau memanggil semula saksi**

### *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 53*

55. Pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semulamana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum ia mengumumkan keputusannya.

#### **Mengumumkan keputusan**

56. Selepas mendengar saksi itu dan memeriksa dokumen atau benda lain yang dikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya di dalam kes itu, dan jika ia memutuskan bahawa pelajar itu adalah bersalah atas kesalahan tatatertib itu ia hendaklah meminta pelajar itu membuat apa-apa rayuan yang hendak dibuat olehnya untuk mendapat hukuman ringan

#### **Mengenakan hukuman**

57. Selepas pelajar itu membuat rayuannya, jika ada, untuk mendapat hukuman ringan di bawah kaedah 52 atau kaedah 56, mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar itu satu daripada hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 48 atau mana-mana dua atau lebih hukuman itu disatukan sekali.

#### **Menyimpan dan melupuskan ekshibit**

58. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau apa-apa jua benda lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan sesuatu prosiding tatatertib disimpan dalam simpanannya atau simpanan seseorang sebagaimana yang ditentukannya sementara menungguprosiding tatatertib itu tamat.

(2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila tamat prosiding tatatertib yang dihadapannya itu, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan prosiding tatatertib itu, dan boleh mengarahkan bahawa perintah itu hendaklah berkuat kuasa sama ada dengan serta-merta atau pada sesuatu masa sebagaimana yang ditentukannya.

(3) Kuasa pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (2) adalah termasuk suatu kuasa untuk memerintahkan supaya dokumen atau benda itu dilupuskan atau dilucut hak kepada Institusi.

#### **Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib hendaklah dibuat**

59. Pihak berkuasa tatatertib yang mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang pelajar di bawah kaedah 49 hingga 58, termasuk kedua-duanya, hendaklah membuat atau menyebabkan dibuat nota bertulis mengenai prosiding itu, tetapi nota itu tidak perlu dibuat sepetah demi sepetah.

## 54 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

### Menyimpan nota

60. Nota yang tersebut dalam kaedah 59 hendaklah disimpan dalam simpanan Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

### Daftar prosiding tatatertib

61. Pegawai Hal Ehwal Pelajar hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-kaedah ini; daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan dalam perjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan apa-apa maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar tersebut.

### Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dsb.

62. (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Pegawai Hal Ehwal Pelajar hendaklah menghantar keputusan prosiding tatatertib itu kepada ibu bapa atau penjaga pelajar itu dan kepada Menteri jika Menteri berkehendakannya, dan, berkenaan dengan seseorang pelajar biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan penaja atau pemberi biasiswa itu dan penjaminnya.

(2) Ibu bapa atau penjaga pelajar itu atau penjaminnya atau pihak berkuasa atau badan penaja atau pemberi biasiswa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah berhak mendapat suatu salinan yang diperakui bagi nota prosiding yang dibuat di bawah kaedah 59 dengan membayar suatu fi yang ditentukan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar dan, walau bagaimanapun, fi itu tidak boleh lebih daripada satu ratus ringgit.

(3) Suatu salinan yang diperakui bagi nota prosiding tatatertib yang dibuat di bawah kaedah 59 berkenaan dengan sesuatu kes tertentu hendaklah diberi oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar kepada Menteri jika Menteri berkehendakannya.

### Membayar denda

63. Jika pihak berkuasa tatatertib mengenakan suatu hukuman denda ke atas pelajar itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menyatakan tempoh denda itu dikehendaki dibayar dan pelajar itu hendaklah membayar denda itu dalam tempoh tersebut kepada Bursar.

### Akibat tidak membayar denda



## *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 55*

64. Jika pelajar itu tidak membayar denda itu dalam tempoh yang ditentukan di bawah kaedah 63, ia hendaklah selepas sahaja daripada itu digantung daripada menjadi pelajar Institusi dan tidak boleh selepas itu berada atau memasuki kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda itu dibayar.

### **Perintah untuk membayar pampasan**

65. (1) Jika sesuatu hukuman dikenakan ke atas seseorang pelajar di bawah kaedah 57, pihak berkuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintahkan pelajar itu membayar apa-apa pampasan sebanyak yang ditetapkan olehnya berkenaan dengan apa-apa kerosakan kepada mana-mana harta atau berkenaan dengan apa-apa kerugian atau bencana kepada mana-mana orang atas mana pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab oleh pihak berkuasa tatatertib dalam prosiding tatatertib itu; seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan di bawah perenggan ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Institusi atau kepunyaan mana-mana orang lain.

(2) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (1) hendaklah suatu amaun yang patut dan munasabah dengan memberi perhatian kepada segala hal keadaan kes itu dan hal keadaan orang yang terlibat di dalamnya.

(3) Pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar oleh pelajar itu kepada Bursar dalam tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib.

(4) Kaedah 64 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* jika pelajar itu tidak membayar pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) dalam tempoh yang ditentukan di bawah subkaedah (3).

(5) Bursar hendaklah membayarkan pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah subkaedah (3) itu kepada orang yang diperakui oleh pihak berkuasa tatatertib sebagai berhak menerimanya.

(6) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau yang dibayar di bawah kaedah ini adalah tidak menyentuh hak mana-mana orang untuk mengambil langkah prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang untuk mendapat ganti rugi atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau bencana yang tersebut dalam subkaedah (1) atau adalah tidak menyentuh hak seseorang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau bencana itu.

### **Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib**

66. Tiada seseorang boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali—

56 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

- (a) pihak berkuasa tatatertib dan kakitangannya;
- (b) pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib adalah diambil;
- (c) ibu bapa atau penjaga pelajar itu;
- (d) seseorang saksi semasa ia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
- (e) seseorang lain sebagaimana yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib kerana sesuatu sebab khas.

BAHAGIAN VI

RAYUAN

**Rayuan**

67. (1) Jika seseorang pelajar tidak puas hati dengan sesuatu keputusan pihak berkuasa tatatertib, pelajar itu boleh mengemukakan secara bertulis dalam duosalinan tentang cadangannya hendak merayu terhadap keputusan itu melalui Pegawai Hal Ehwal Pelajar dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan itu telah diberi.

(2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan terang alasan rayuan itu.

**Menyampaikan rayuan kepada Menteri**

68. Pegawai Hal Ehwal Pelajar hendaklah, apabila menerima rayuan itu, mengemukakannya kepada Menteri bersama dengan suatu salinan nota prosiding tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberi.

**Tindakan Menteri atas rayuan**

69. (1) Menteri boleh, apabila menerima notis rayuan itu dan nota prosiding tatatertib daripada Pegawai Hal Ehwal Pelajar, meminta apa-apa maklumat atau butir lanjut yang difikirkannya patut berkenaan dengan prosiding tatatertib itu.

(2) Jika Menteri menolak secara terus rayuan itu di bawah subseksyen 5(4), keputusan Menteri itu hendaklah disampaikan kepada pelajar itu melalui Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

(3) Jika Menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah subseksyen 5(5), untuk menimbang rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan itu yang dibuat

## *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 57*

selepas menerima syor jawatankuasa itu hendaklah disampaikan kepada pelajar itu melalui Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

### **Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan**

70. Sesuatu rayuan yang dibuat oleh seseorang pelajar adalah tidak berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman yang dikenakan di bawah kaedah 57 atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa pampasan yang diperintah supaya dibayar di bawah kaedah 65, melainkan jika Pegawai Hal Ehwal Pelajar atau Menteri mengarahkan sebaliknya.

## BAHAGIAN VII

### AM

### **Tanggungjawab tatatertib pemegang jawatan, dsb., pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

71. (1) Jika sesuatu kesalahan tatatertib telah dilakukan di bawah Kaedah-Kaedah ini, sama ada atau tidak seorang pelajar telah didapati bersalah berkenaan dengannya dan kesalahan tatatertib itu telah dilakukan atau berpuas sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Institusi yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Akta ini atau mana-mana pertubuhan lain, badan atau kumpulan pelajar Institusi, maka tiap-tiap pemegang jawatan bagi pertubuhan, badan atau kumpulan itu dan tiap-tiap pelajar yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu pada masa berlakunya kesalahan tatatertib itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan tatatertib itu dan boleh dikenakan hukuman baginya, melainkan jika ia membuktikandengan memuaskan hati pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan bahawa kesalahan tatatertib itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mencegah berlakunya kesalahan tatatertib itu.

(2) Tindakan boleh diambil di bawah kaedah ini terhadap seseorang pemegang jawatan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan seperti tersebut dalam subkaedah (1) atau terhadap seseorang pelajar yang menguruskan atau membantu dalam pengurusannya, walaupun ia mungkin telah tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan tatatertib itu.

(3) Dalam sesuatu prosiding tatatertib di bawah kaedah ini terhadap seseorang pemegang jawatan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan seperti tersebut dalam subkaedah (1), atau terhadap seseorang pelajar yang menguruskan atau membantu dalam pengurusannya, apa-apa dokumen yang dijumpai dalam milikan seseorang pemegang jawatan pertubuhan, badan atau kumpulan itu, atau dalam milikan seseorang pelajar yang menguruskan atau membantu dalam pengurusannya,

## 58 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

atau dalam milikan seseorang ahli pertubuhan, badan atau kumpulan itu adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai kandungannya bagi maksud membuktikan bahawa sesuatu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

### Anggapan

72. Dalam sesuatu prosiding tatatertib terhadap seseorang pelajar—

- (a) tidak perlu membuktikan bahawa sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar mempunyai sesuatu nama atau bahawa ianya telah ditubuhkan atau adalah biasanya dikenali dengan sesuatu nama yang tertentu;
- (b) jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, panji atau insignia bagi, atau berhubung dengan, atau berupa sebagai berhubung dengan, sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang adalah dijumpai dalam milikan, simpanan atau di bawah kawalan seseorang pelajar, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pelajar itu adalah seorang ahli pertubuhan, badan atau kumpulan itu dan pertubuhan, badan atau kumpulan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai wujud pada masa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, panji, atau insignia itu dijumpai sedemikian; dan
- (c) jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, panji atau insignia bagi, atau berhubung dengan, sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang adalah dijumpai dalam milikan, simpanan atau di bawah kawalan seseorang pelajar, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pelajar itu adalah membantudalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

### Kesalahan tatatertib

73. Seseorang pelajar yang melakukan pelanggaran terhadap, atau yang tidak mematuhi, atau yang melanggar, mana-mana daripada kaedah-kaedah ini atau mana-mana sekatan, syarat atau terma yang dikenakan di bawah Kaedah-kaedah ini atau mana-mana perintah atau arahan yang diberidi bawah Kaedah-kaedah ini adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

### Kaedah-kaedah ini tidak mengurangkan liabiliti jenayah

74. Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-kaedah ini boleh mengurangkan liabiliti seseorang pelajar atau seseorang lain bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Penyampaian notis, dokumen, dsb.

75. (1) Tiap-tiap pelajar hendaklah memberi kepada Ketua Eksekutif alamat kediamannya atau apa-apa perubahan alamat itu yang akan menjadi alamatnya bagi maksud menyampaikan kepadanya apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki disampaikan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau bagi maksud memberitahunya mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa dokumen, notis atau apa-apa komunikasi yang ditinggalkan di atau diposkan melalui pos biasa ke alamat bagi penyampaian yang diberikandi bawah subkaedah (1) hendaklah disifatkan telah disampaikan atau diberitahu dengan sewajarnya kepada pelajar itu.

---

JADUAL KETIGA

[Seksyen 7, 8, 22 dan 23]

JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR

Pemilihan JPP

1. (1) Pelajar sesuatu Institusi hendaklah memilih suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar secara berikut:

- (a) berkenaan dengan sesuatu Institusi yang mengadakan suatu kursus pengajian hanya dalam satu bidang tertentu selama tempoh beberapa tahun, pelajar bagi tiap-tiap satu tahun tertentu hendaklah memilih dengan kertas undi rahsia, yang dijalankan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, sesuatu bilangan yang sama banyak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif daripada pelajar yang belajar dalam satu-satu tahun itu untuk menjadi wakil dalam JPP; atau
- (b) berkenaan dengan sesuatu Institusi yang mengadakan beberapa kursus pengajian dalam berlainan bidang, pelajar tiap-tiap satu bidang tertentu hendaklah memilih dengan kertas undi rahsia atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar sesuatu bilangan yang sama banyak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif daripada pelajar yang belajar dalam satu-satu bidang itu untuk menjadi wakil dalam JPP; pembahagian mengenai pelajaran yang diadakan oleh sesuatu Institusi kepada berbagai bidang pengajian bagi maksud subperenggan ini hendaklah dibuat oleh Ketua Eksekutif dengan kelulusan Menteri.

(2) Apa-apa soal tentang sama ada subperenggan (1)(a) atau (b) terpakai bagi sesuatu Institusi hendaklah ditentukan oleh Menteri dan penentuan itu adalah muktamad.

## 60 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

### Pemegang jawatan JPP

2. JPP hendaklah memilih dari antara ahlinya seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari, yang manasahaja hendaklah menjadi pemegang jawatannya.

### Tempoh jawatan JPP dan pemegang jawatannya

3. Ahli JPP dan pemegang jawatannya hendaklah dipilih untuk satu tahun.

### Keputusan dengan undi terbanyak

4. Keputusan JPP hendaklah diambil dengan undi terbanyak dengan tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli hadir dan mengundi.

### Jawatankuasa *ad hoc*

5. JPP boleh menubuhkan, dari semasa ke semasa, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis Pegawai Hal Ehwal Pelajar, jawatankuasa *ad hoc* daripada ahlinya untuk maksud atau tujuan tertentu.

### Hilang kelayakan berkenaan dengan JPP, badan pelajar, pertubuhan atau jawatankuasa pelajar

6. Tiada seseorang pelajar yang keputusan prosiding tatatertib terhadapnyamasih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, boleh dipilih atau masih menjadi seorang ahli JPP atau seorang pemegang jawatan mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Eksekutif.

### Tujuan dan tugas JPP

7. Tujuan dan tugas JPP ialah—

- (a) membantu dan menggalakkan, tertakluk kepada arahan Ketua Eksekutif, kemajuan kemudahan bagi pelajar seperti kemudahan rekreasi dan pembekalan makanan dan minuman;
- (b) membuat rayuan kepada Ketua Eksekutif mengenai perkara berhubung dengan keadaan dalam mana pelajar tinggal dan belajar;

## *Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 61*

- (c) mengusahakan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif dari semasa ke semasa;
- (d) untuk memupuk semangat hidup sebagai suatu persatuan dikalangan pelajar institusi; dan
- (e) membantu pihak berkuasa Institusi memelihara disiplin pelajar.

### Perbelanjaan JPP

8. JPP tidak boleh menyenggara apa-apa kumpulan wang atau membuat apa-apa pungutan apa-apa wang atau harta daripada mana-mana sumber juapun tetapi apa-apa perbelanjaan yang munasabah sebagaimana yang dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Ketua Eksekutif untuk dilakukan oleh JPP boleh dibayar oleh Institusi jika tuntutan bertulis yang munasabah dengan disokong dengan resit dan bawcher adalah dikemukakan oleh JPP kepada Ketua Eksekutif dan diluluskan olehnya.

### Akaun JPP

9. Bendahari hendaklah menyimpan akaun JPP dengan sewajarnya dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan, iaitu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif, suatu salinan akaun tersebut yang diaudit oleh seseorang yang dilantik oleh Ketua Eksekutif hendaklah dikemukakan oleh JPP kepada Ketua Eksekutif untuk diluluskan.

### Mesyuarat JPP

10. (1) JPP hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat JPP dan minit itu hendaklah disahkan dalam suatu mesyuarat yang kemudian.

(2) JPP atau sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah, tidak kurang daripada empat puluh jam sebelum mengadakan sesuatu mesyuarat, memberitulis mengenai tarikh dan masa mesyuarat itu dan juga agendanya kepada Ketua Eksekutif.

(3) Tiap-tiap mesyuarat JPP atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah diadakan hanya di suatu tempat yang disediakan bagi maksud mesyuarat itu oleh Ketua Eksekutif.

(4) Ketua Eksekutif atau wakilnya hendaklah hadir dalam tiap-tiap satu mesyuarat JPP atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP, melainkan jika Ketua Eksekutif memutuskan sebaliknya berkenaan dengan sesuatu mesyuarat tertentu.

## 62 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

(5) Suatu salinan minit tiap-tiap satu mesyuarat JPP atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah diberi oleh JPP atau jawatankuasa *ad hoc* itu kepada Ketua Eksekutif dalam masa tujuh puluh dua jam selepas tiap-tiap satu mesyuarat.

### Pemeriksaan rekod

11. Rekod JPP atau rekod sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP hendaklah sentiasa terbuka untuk diperiksa oleh Ketua Eksekutif atau wakilnya.

### Takrif bagi "pelajar" maksud Jadual ini

12. Bagi maksud Jadual ini "pelajar" ertinya seseorang selain daripada seseorang pegawai awam, yang mengikuti kursus pengajian dalam institusi:

Dengan syarat bahawa seseorang adalah terhenti daripada menjadi pelajar dalam erti subperenggan ini mulai dari tarikh peperiksaan akhir bagi kursus pengajiannya bermula, jika ia masuk peperiksaan itu.

### Pertikaian tentang pemilihan

13. Jika timbul sesuatu pertikaian tentang sama ada seseorang ahli atau pemegang jawatan bagi JPP atau bagi sesuatu jawatankuasa *ad hoc* JPP telah dipilih atau dilantik dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau adalah berhak menjadi atau masih menjadi ahli atau pemegang jawatannya, maka pertikaian itu hendaklah diputuskan oleh Ketua Eksekutif atau oleh seseorang yang dilantik olehnya bagi maksud itu, dan keputusan Ketua Eksekutif atau keputusan orang itu mengenainya adalah muktamad.

---



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 174

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI  
PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

## SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas   | Berkuat kuasa dari |
|----------------------------|---|--------------------|
| P.U. (A) 73/1980           | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 1980 | 28-03-1980         |
| P.U. (A) 247/1984          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 1984 | 06-07-1984         |
| P.U. (A) 115/1985          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 1985 | 15-03-1985         |
| P.U. (A) 376/1986          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 1986 | 31-10-1986         |
| P.U. (A) 165/1991          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 1991                  | 26-04-1991         |
| P.U. (A) 57/1995           | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan Jadual Pertama) 1995   | 17-02-1995         |
| P.U. (A) 536/1997          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 1997 | 01-01-1998         |
| P.U. (A) 537/1997          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 1997  | 01-01-1998         |

64 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas   | Berkuat kuasa dari |
|----------------------------|---|--------------------|
| P.U. (A) 538/1997          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Ketiga) (Pindaan) 1997          | 01-01-1998         |
| P.U. (A) 160/1998          | Perintah Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 1997      | 31-12-1997         |
| P.U. (A) 247/1999          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 1999         | 11-06-1999         |
| P.U. (A) 345/2000          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2000         | 01-01-2000         |
| P.U. (A) 452/2000          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2000 | 01-01-2000         |
| P.U. (A) 484/2000          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 3) 2000 | 29-12-2000         |
| P.U. (A) 102/2001          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2001         | 01-01-2000         |
| P.U. (A) 103/2001          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2001         | 01-01-2000         |
| P.U. (A) 104/2001          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2001 | 13-04-2001         |
| P.U. (A) 423/2002          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2002         | 25-10-2002         |
| P.U. (A) 468/2002          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2002 | 01-06-2002         |

*Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)65*

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas   | Berkuat kuasa dari |
|----------------------------|---|--------------------|
| P.U. (A) 484/2002          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 3) 2002 | 13-12-2002         |
| P.U. (A) 23/2003           | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2003         | 24-01-2003         |
| P.U. (A) 24/2003           | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2003 | 01-04-2002         |
| P.U. (A) 299/2003          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 3) 2003 | 08-08-2003         |
| P.U. (A) 322/2006          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2006         | 01-09-2006         |
| P.U. (A) 266/2007          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2007         | 02-08-2007         |
| P.U. (A) 436/2007          | Perintah Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 2007      | 28-12-2007         |
| P.U. (A) 256/2008          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2008         | 25-07-2008         |
| P.U. (A) 308/2008          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2008 | 12-09-2008         |
| P.U. (A) 341/2009          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2009         | 18-09-2009         |
| P.U. (A) 358/2009          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2009 | 09-10-2009         |

66 *Undang-Undang Malaysia* AKTA 174

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas   | Berkuat kuasa dari                         |
|----------------------------|---|--|
| Akta A1375                 | Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2010                    | 01-12-2010                                 |
| P.U. (A) 260/2011          | Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan Jadual Pertama) 2011 | <i>lihat</i> perenggan 1 P.U. (A) 260/2011 |
| Akta A1435                 | Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012                    | 01-08-2012                                 |

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 174

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI  
PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen        | Kuasa meminda  | Berkuat kuasa dari                     |
|----------------|--|--|
| 2              | Akta A1375<br>Akta A1435                                   | 01-12-2010<br>01-08-2012               |
| 4              | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 5              | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 9              | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 10             | Akta A1375<br>Akta A1435                                   | 01-12-2010<br>01-08-2012               |
| 11             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 12             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 13             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 14             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 15             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 16             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| 21             | Akta A1375   | 01-12-2010                             |
| Jadual Pertama | P.U. (A) 73/1980<br>P.U. (A) 247/1984<br>P.U. (A) 115/1985 | 28-03-1980<br>06-07-1984<br>15-05-1985 |

68 Undang-Undang Malaysia AKTA 174

| Seksyen       | Kuasa meminda     | Berkuat kuasa dari                            |
|---------------|-------------------|---|
|               | P.U. (A) 165/1991 | 26-04-1991                                    |
|               | P.U. (A) 57/1995  | 17-02-1995                                    |
|               | P.U. (A) 536/1997 | 01-01-1998                                    |
|               | P.U. (A) 247/1999 | 11-06-1999                                    |
|               | P.U. (A) 345/2000 | 01-01-2000                                    |
|               | P.U. (A) 452/2000 | 01-01-2000                                    |
|               | P.U. (A) 484/2000 | 29-12-2000                                    |
|               | P.U. (A) 102/2001 | 01-01-2000                                    |
|               | P.U. (A) 103/2001 | 01-01-2000                                    |
|               | P.U. (A) 104/2001 | 13-04-2001                                    |
|               | P.U. (A) 423/2002 | 25-10-2002                                    |
|               | P.U. (A) 468/2002 | 01-06-2002                                    |
|               | P.U. (A) 484/2002 | 13-12-2002                                    |
|               | P.U. (A) 23/2003  | 24-01-2003                                    |
|               | P.U. (A) 24/2003  | 01-04-2002                                    |
|               | P.U. (A) 299/2003 | 08-08-2003                                    |
|               | P.U. (A) 322/2006 | 01-09-2006                                    |
|               | P.U. (A) 266/2007 | 02-08-2007                                    |
|               | P.U. (A) 256/2008 | 25-07-2008                                    |
|               | P.U. (A) 308/2008 | 12-09-2008                                    |
|               | P.U. (A) 341/2009 | 18-09-2009                                    |
|               | P.U. (A) 358/2009 | 09-10-2009                                    |
|               | P.U. (A) 260/2011 | <i>lihat perenggan 1</i><br>P.U. (A) 260/2011 |
| Jadual Kedua  | P.U. (A) 537/1997 | 01-01-1998                                    |
|               | P.U. (A) 436/2007 | 28-12-2007                                    |
| Jadual Ketiga | P.U. (A) 538/1997 | 01-01-1998                                    |